



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 4/96
TARIKH PENERIMAAN BORANG-BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS
LATIHAN YANG DIBENARKAN BAGI PENUTUPAN AKAUN 1996

1. OBJEKTIF

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan majikan-majikan yang mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia mengenai tarikh akhir penerimaan borang-borang tuntutan bayaran balik kos latihan yang dibenarkan bagi tahun 1996.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Oleh kerana akaun Majlis Pembangunan Sumber Manusia tahun 1996 akan ditutup pada 31 Disember 1996, semua majikan yang mendaftar dengan Majlis adalah diperingatkan supaya mengemukakan semua tuntutan balik kos latihan yang dibenarkan dengan lengkap bagi latihan/kursus yang telah dijalankan dalam tahun 1996. Majlis telah menetapkan bahawa tarikh akhir penerimaan tuntutan balik kos latihan yang dibenarkan yang dijalankan pada tahun semasa ialah 24 Disember 1996 termasuk semua tuntutan yang telah dikuiiri sebelum ini. Walau bagaimanapun, semua majikan adalah diminta mengemukakan semua tuntutan dengan secepat mungkin supaya ianya dapat dijelaskan daripada levi tahun 1995 yang dibawa ke tahun semasa. Ini adalah memandangkan levi tahun 1995 yang tidak dapat habis digunakan dan dibawa ke tahun 1996 akan luput pada 31 Disember 1996. Baki levi 1995 sekiranya ada, tidak akan dibenarkan dibawa ke tahun 1997.
- 2.2 Bagi tuntutan yang dikuiiri tahun 1996 (latihan tamat dalam tahun 1996) dan tuntutan program/kursus yang akan tamat pada akhir tahun ini (1996) dan tidak sempat dikemukakan ke Urusetia Majlis untuk diterima pada 24 Disember 1996, majikan adalah dibenarkan sehingga 30 Jun 1997 untuk berbuat demikian.

3. PENOLAKAN LEVI TAHUN 1995

- 3.1 Hanya tuntutan yang diterima lengkap sebelum atau pada 24 Disember 1996 sahaja akan ditolak dari baki levi tahun 1995. Tuntutan yang tidak lengkap akan dikuiiri dan tidak boleh ditolak dari baki levi tahun 1995.
- 3.2 Bagi tuntutan yang di para 2.2 yang dibayar dalam tahun 1997 ia hanya akan ditolak dari baki levi tahun 1996, sekiranya ada.

4. PERINGATAN

- 4.1 Untuk membolehkan tuntutan geran latihan ditolak dari levi tahun 1995, sila pastikan tuntutan yang dihantar kepada Majlis hendaklah lengkap (borang tuntutan diisi dengan betul dan semua dokumen sokongan yang disertakan telah disahkan

jika bukan yang asal).Oleh itu tidak timbul soal tidak sempat menjawab kuiru atau kuiru tidak diterima.

4.2 Kerjasama para majikan dalam melaksanakan Pekeliling Majikan ini adalah sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)
b.p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

